

## **CABARAN DALAM MENDIDIK BAKAL GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI UNIVERSITI MELAKA (UNIMEL)**

**Aziyati Zahirah Asnil Aimi**  
Fakulti Bahasa dan Pendidikan,  
Universiti Melaka

**Nur Syakira Baharudin**  
Fakulti Bahasa dan Pendidikan,  
Universiti Melaka

**Zaleha Damanhuri**  
Fakulti Bahasa dan Pendidikan,  
Universiti Melaka

*Corresponding Author's Email: aziyatizahirah@unimel.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 25 November 2022*

*Accepted : 23 December 2022*

*Published : 31 December 2022*

### **ABSTRAK**

Pendidik bakal guru pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan yang penting dalam menyediakan ruang dan membantu proses perkembangan serta kemajuan bakal guru. Bagi menjayakan matlamat ini, pelbagai cabaran dihadapi oleh pendidik bakal guru semasa menentukan pendekatan pembelajaran terbaik selain mewujudkan hubungan bermakna dengan mereka. Kajian dijalankan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur bagi mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam berkaitan dengan cabaran dalam mendidik bakal guru Pendidikan Awal Kanak-kanak di UNIMEL. Empat dimensi utama menjadi fokus bagi kajian ini iaitu: (i) Apakah perkara yang anda berpuas hati dalam kerjaya anda? (ii) Perincian pendekatan kepada bakal guru yang anda gunakan untuk ketika mengajar. (iii) Terangkan dilema yang anda rasai sama ada secara peribadi atau professional yang dialami ketika mengajar bakal guru. (iv) Apakah cara yang boleh dilakukan bagi memastikan kualiti bakal guru dapat dikekalkan? Sebahagian besar daripada pendidik bakal guru menunjukkan kepuasan terhadap persekitaran kerja yang baik. Kajian juga mendapati pensyarah lebih selesa menggunakan pendekatan yang lebih santai ketika menjalankan kuliah. Pensyarah bimbang apabila bakal guru tidak memahami apa yang disampaikan dalam pengajaran. Kajian juga telah mengenal pasti bahawa pensyarah berperanan dalam meningkatkan kualiti bakal guru dengan mengubah pemikiran bakal guru supaya mereka dapat menanamkan jiwa pendidik seawal permulaan semester lagi.

**Kata kunci:** Pendidik bakal guru, Pendidikan awal kanak-kanak, Cabaran, Mendidik

## **CHALLENGES IN EDUCATING FUTURE EARLY CHILDHOOD EDUCATION TEACHERS AT THE UNIVERSITY OF MELAKA (UNIMEL)**

### **ABSTRACT**

*Educators of future early childhood education teachers play an important role in providing space and helping the process of development and progress of future teachers. In order to achieve this goal, various challenges are faced by future teacher educators when determining the best learning approach in addition to creating meaningful relationships with them. The study was conducted using a semi-structured interview method to obtain more in-depth information related to the challenges in educating prospective Early Childhood Education teachers at UNIMEL. Four main dimensions are the focus of this study, namely: (i) What are the things you are satisfied with in your career? (ii) Explain the approach to prospective teachers that you use when teaching. (iii) Explain the dilemma you feel either personally or professionally when teaching prospective teachers. (iv) What ways can be done to ensure that the quality of future teachers can be maintained? Most of the future teacher educators show satisfaction with the good working environment. The study also found that lecturers are more comfortable using a more relaxed approach when conducting lectures. Most lecturers worry when prospective teachers do not understand what is being taught. Studies have also identified that lecturers play a role in improving the quality of prospective teachers by changing the mindset of prospective teachers so that they can instill the spirit of education as early as the beginning of the semester.*

**Keywords:** *educators of teacher to be, early childhood education, challenge, educating*

### **PENGENALAN**

Perkembangan sebagai guru merupakan suatu proses dalaman yang kompleks melibatkan pergelutan persoalan dalaman seperti identiti sebagai seorang guru dan matlamat sebagai seorang guru (Beijaard dan Meijer, 2017). Pendidik bakal guru merupakan individu yang mendidik atau melatih bakal guru dan menyokong perkembangan profesional mereka (Malm, 2020). Hansson (2016) menyatakan bahawa dalam pendidikan tinggi, pengajaran dan pembelajaran berkait rapat dengan kebolehan pendidik membantu pelajar membina kemahiran merancang, melaksanakan dan menilai pengajaran berdasarkan tindakan pendidik, hubungan kemanusiaan, kandungan serta niat.

Kajian terkini menunjukkan pendidik bakal guru yang menjalankan pelbagai peranan kompleks turut berdepan kekangan persediaan yang minimum atau kemungkinan perkembangan profesional bagi memenuhi peranan tersebut (Malm, 2020). Oleh itu, McPhail et al. (2018) mencadangkan keperluan bagi pendidik bakal guru untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan selepas mengambil peranan tersebut. Identiti profesional membentuk kunci utama bagi pendidik bakal guru bagi memahami bidang pendidikan guru serta cara untuk menerapkan kepercayaan, nilai dan prinsip mereka melalui pekerjaan (Czerniawski, 2018).

Alexandersson (2016) percaya bahawa aspek penting dalam identiti guru untuk menjadi pendidik bakal guru yang baik adalah keinginan untuk memperbaiki diri. Walaupun pendidikan guru merupakan elemen utama dalam hampir semua perbincangan polisi pendidikan, Kelchtermans et al. (2017) mendapati bahawa hanya sedikit perhatian diberikan terhadap pendidik bakal guru dan profesionalisme mereka. Mereka percaya bahawa tugas dan tanggungjawab pendidik bakal guru adalah unik dan profesionalisme mereka perlu diakui.

## **KAJIAN LITERATUR**

Hasil kajian-kajian terkini berkaitan dengan pendidik bakal guru dalam konteks antarabangsa menunjukkan bahawa motivasi sebahagian besarnya adalah datang dalam diri individu sendiri secara intrinsik dan bergantung kepada keperluan peribadi (Malm, 2020). Selain itu, Malm (2020) menyatakan bahawa kekangan masa dan beban tugas yang berat juga merupakan perkara biasa yang dihadapi oleh pendidik bakal guru ini. Dalam suatu kajian temubual dengan 25 pendidik bakal guru daripada sepuluh buah negara menunjukkan salah satu hasil kajian utama adalah pendidik bakal guru mempunyai kebimbangan mengenai aktiviti pembangunan profesional terkini mereka dan pembangunan untuk masa akan datang (Van der Klink et al., 2017). Tambahan lagi, bagi persoalan mengenai faktor yang menggalakkan pembangunan profesional mereka, hanya beberapa responden yang bersetuju dengan faktor keadaan dalam kalangan institusi. Kebanyakan responden menyatakan bahawa galakan berasal daripada motivasi dan keperluan mereka sendiri.

Kajian MacPhail et al. (2018) mendapati bahawa pembangunan profesional bagi pendidik bakal guru adalah dimulakan sendiri. Tambahan lagi, kajian ini mendapati bahawa pendidik bakal guru yang terlibat terikat dengan bebanan kerja yang banyak dan kekurangan masa untuk menyertai sebarang program pembangunan profesional. Masa merupakan suatu aspek yang sering dinyatakan sebagai perkara yang penting bagi pembelajaran profesional pendidik bakal guru (Czerniawski et al., 2017). Kajian ini juga mendapati antara tugas yang banyak mengambil masa adalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti keilmuan seperti membaca kajian, menjalankan kajian serta penulisan dan pemikiran akademik. Dalam kajian oleh Maaranen et al. (2019), lapan tema telah dikenal pasti iaitu (i) pelajar, (ii) kajian dan pendidikan berbentuk kajian, (iii) subjek atau pengkhususan, (iv) komuniti dan kolaborasi, (v) kerja-kerja penting, (vi) nilai, (vii) interaksi, dan (viii) semangat.

Tambahan lagi, kebanyakan ahli profesional seperti pendidik berasa keliru dengan jangkaan terhadap mereka, terutamanya pada fasa awal kerjaya mereka disebabkan oleh kesibukan kerja, bebanan kerja yang banyak, permintaan yang pelbagai serta penerangan kerja yang tidak jelas (Malm, 2020). Kajian menunjukkan pendidik bakal guru mahu pendedahan yang lebih tentang kaedah alternatif untuk mendidik pelajar, mempelajari tentang perkembangan polisi pendidikan kebangsaan dan antarabangsa serta menyumbang dalam kajian kepustakaan bidang pendidikan (MacPhail, 2017). Pendidik bakal guru berhadapan dengan kelemahan yang sama iaitu elemen (i) keadaan bekerja ke atas diri mereka, (ii) kesedaran bahawa keputusan pelajar tidak bergantung sepenuhnya kepada pengajaran mereka, dan (iii) keputusan pendidik boleh dipersoalkan walaupun telah disertakan dengan justifikasi (Malm, 2020). Dalam masa yang sama, Malm (2020) juga mengatakan kapasiti untuk membuat pertimbangan, bertindak, dan bertanggungjawab ke atas tindakan merupakan antara kunci kepada profesionalisme pendidik.

Selari dengan kajian terkini, matlamat dan komitmen peribadi pendidik bakal guru adalah menjurus kepada profesionalisme dan perkembangan mereka (Vanassche & Kelchtermans, 2016). Selain itu, Kerajaan Afrika Selatan kini juga mahu meningkatkan kehidupan kanak-kanak menerusi Pendidikan Awal Kanak-kanak. Terdapat standard pendidikan baharu di mana penekanan terhadap bakal guru untuk berfikiran progresif dengan kebolehan profesional yang dapat memenuhi perkembangan menyeluruh kanak-kanak (H. Ebrahim et al., 2021). Peeters et al. (2019) menyatakan penekanan secara berterusan harus diberikan kepada peningkatan kompetensi bakal guru di samping sentiasa memberi sokongan kepada mereka. Keperluan dalam membina tenaga kerja yang cekap dan profesional bergantung kepada kebebasan dan hormat untuk saling membantu (Hannaway, 2022).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual. Chua (2014) berpendapat bahawa temu bual merupakan komunikasi dua hala bagi mendapatkan maklumat kajian. Temu bual separa berstruktur digunakan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam berkaitan dengan cabaran dalam mendidik bakal guru Pendidikan Awal Kanak-kanak di UNIMEL. Objektif kajian ini adalah untuk (i) mengenal pasti tahap kepuasan dalam kerjaya bagi pendidik bakal guru, (ii) mengenal pasti pendekatan yang digunakan oleh pendidik bakal guru, (iii) mengenal pasti cabaran serta dilema yang dihadapi oleh pendidik bakal guru serta (iv) mengenal pasti cara untuk meningkatkan kualiti bakal guru. Temu bual dijalankan secara *Focus Group Discussion* (FGD) di mana temu bual secara berkumpulan diadakan bagi menggalakkan interaksi dengan lebih mendalam terhadap informan dan pengkaji. Seramai 5 orang responden yang dipilih iaitu terdiri dalam kalangan pensyarah UNIMEL yang telah berpengalaman sekurang-kurangnya dua tahun dalam mendidik bakal guru PAKK. Pengkaji menggunakan persampelan bertujuan berdasarkan pengalaman informan yang sesuai dengan tujuan kajian. Instrumen kajian yang digunakan adalah protokol temu bual yang telah disediakan oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian yang dijalankan.

**Jadual 1:** Taburan Soalan dalam Temu Bual

<b>Bahagian</b>	<b>Item Soalan</b>
A	Demografi
B	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kepuasan dalam kerjaya</li> <li>2. Pendekatan yang digunakan dalam PdP</li> <li>3. Dilema dialami ketika PdP</li> <li>4. Cara meningkatkan kualiti bakal guru</li> </ol>

## **DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan tentang dapatan kajian hasil daripada temu bual berstruktur secara FGD bersama responden yang mengajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak

### **Latar Belakang Responden**

Jadual 2 menunjukkan latar belakang responden daripada segi jantina, bangsa, umur, kelayakan akademik dan tempoh pengalaman mengajar PAKK.

**Jadual 2:** Taburan latar belakang responden

<b>Responden</b>	<b>Jantina</b>	<b>Bangsa</b>	<b>Umur</b>	<b>Kelayakan</b>	<b>Tempoh perkhidmatan</b>
1	Perempuan	Melayu	31 hingga 40 tahun	Ijazah Sarjana	6 hingga 10 tahun
2	Perempuan	Melayu	31 hingga 40 tahun	Ijazah Sarjana	11 hingga 15 tahun
3	Perempuan	Melayu	19 hingga 30 tahun	Ijazah Sarjana	2 hingga 5 tahun
4	Perempuan	Melayu	19 hingga 30 tahun	Ijazah Sarjana	2 hingga 5 tahun
5	Perempuan	Melayu	19 hingga 30 tahun	Ijazah Sarjana	2 hingga 5 tahun

Berdasarkan jadual tersebut, ke semua responden adalah berjantina perempuan dan berbangsa Melayu. Lingkungan umur responden adalah dalam kalangan 19 hingga 40 tahun dan mereka mempunyai lulusan di peringkat ijazah sarjana. Seramai 3 orang responden yang mempunyai tempoh perkhidmatan selama 1 hingga 5 tahun, seorang dalam tempoh 6 hingga 10 tahun dan seorang responden dalam tempoh 11 hingga 15 tahun.

a. Kepuasan dalam kerjaya

Menurut Wahyudi (2019), kepuasan kerja merujuk kepada perasaan yang dialami oleh seseorang individu terhadap pekerjaannya dan ianya mempengaruhi tingkah laku dan sikap pekerja dalam kehidupan seharian. Dalam kajian ini, kepuasan kerja merujuk kepada perasaan yang dialami oleh responden ketika mengajar bakal guru Diploma Pendidikan Awal kanak-kanak. Antara respon yang diperolehi daripada responden adalah seperti berikut :

“...kepuasan yang dialami saya adalah apabila melihat pelajar-pelajar saya menyambung ke peringkat yang lebih tinggi”

(S1R1T1St1)

“Pada saya kepuasan itu ada dalam *teamwork* ketika bekerja”

(S1R2T1St2)

“...saya berasa gembira dapat menyampaikan ilmu. Gembira ilmu yang disampaikan boleh memberi manfaat kepada pelajar dan rakan sekerja”

(S1R3T1St3)

“...bos dan rakan-rakan sangat *supportive*”

(S1R4T1St2)

b. Pendekatan yang digunakan dalam PdP

Dapatan yang diperolehi daripada hasil temu bual menunjukkan pendekatan yang digunakan oleh responden ketika proses PdP di dalam kelas. Hasil dapatan adalah seperti berikut :

“Saya menggunakan pendekatan secara santai. Bermaksud saya akan bertanyakan khabar, membuat aktiviti fizikal seperti *chicken dance* untuk melihat level emosi pelajar sebelum mulakan kuliah”

(S2R1T2St1)

“...teknik bayangan. Saya satu fakta untuk satu analogi supaya mereka Nampak dengan lebih jelas tentang apa yang saya sampaikan”

(S2R2T2St2)

“...mengenali dan menilai potensi bakal guru. Dengan cara tersebut saya lebih mudah merancang pengajaran yang bersesuaian di dalam kelas”

(S2R3T2St3)

“...banyakkan unsur *humor* di dalam kelas. *Sometimes* boleh jadi kawan dengan *student but* perlu ada *gap*”

(S2R4T2St1)

c. Dilema dialami ketika PdP

Dapatan menunjukkan responden mempunyai dilema yang dialami ketika mendidik bakal guru. Ini adalah respon daripada responden :

“Bagi saya perbezaan generasi terlalu jauh. Saya perlu meneroka dunia mereka dan menggunakan *approach* yang boleh diterima seperti *Tiktok* dan lain-lain media sosial”

(S3R1T3St1)

“...perasaan bimbang bila pelajar tidak menjawab soalan yang diberikan. Benda ni kita tengok bila dalam kuliah, anak-anak bersedia atau tidak? Penyampaian sampai atau tidak?”

(S3R2T3St2)

“...pelajar tidak mendapat gred yang tidak memuaskan. Keadaan itu membuatkan saya tertanya-tanya tentang kat mana kesilapan saya semasa mengajar”

(S3R3T3St3)

“saya bimbang bila *student* kurang faham dan tak boleh nak *implement* apa yang saya ajar”

(S3R4T3St2)

#### d. Cara meningkatkan kualiti bakal guru

Berikut adalah hasil dapatan apabila responden ditanyakan mengenai pendapat dalam cara meningkatkan kualiti bakal guru :

“...*mind set* yang betul perlu diberikan kepada pelajar, kita perlu pastikan ilmu yang diberikan ‘melekat pada diri pelajar”

(S4R1T4St1)

“kita perlu menekankan disiplin dalam diri pelajar. Student yang perlu tunggu pensyarah dan solat tu penting. Namun ketika pembentangan kita dapat lihat laras bahasa yang digunakan adalah tidak betul. Jadi disiplin tu perlu diterapkan”

(S4R2T4St2)

“Kualiti bakal guru terletak kepada *attitude, knowledge dan skills*. Tanpa sahsiah yang baik, segala ilmu yang mereka ada tidak akan memberi manfaat pada orang lain”

(S4R3T4St3)

“...ubah *mind set* dan tanamkan dalam diri *student* supaya ada jiwa untuk mejadi seorang pendidik serta kena ambil tahu tentang potensi setiap murid mereka”

(S4R4T4St1)

## PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa kelima-lima orang responden merupakan responden yang berkelayakan dalam membentuk bakal guru dalam kalangan pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Responden mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu dalam tempoh dua hingga 15 tahun dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Berdasarkan tempoh pengalaman mengajar ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai kepuasan yang baik terhadap kerjaya mereka. Sebahagian besar daripadanya menunjukkan kepuasan terhadap persekitaran kerja yang baik. Hal ini dapat dilihat apabila mereka berpuas hati terhadap kerjasama yang baik diberikan oleh rakan sekerja. Menurut Malm (2018), memupuk hubungan yang bermakna dapat memberikan kepuasan terhadap kerjaya. Dalam kajian ini, pensyarah bekerjasama antara sendiri dengan memberikan pendapat serta berkongsi cara pengajaran untuk diaplikasi bersama supaya bakal guru dapat mempraktikkan kemahiran-kemahiran yang sesuai diaplikasikan ketika menjadi seorang guru kelak. Ketua dan rakan sekerja memainkan peranan yang penting dengan memberikan sokongan serta membantu dalam penyelesaian masalah yang berkaitan dalam mendidik bakal guru.

Selain daripada itu, kepuasan bagi seorang pensyarah adalah melihat bakal-bakal guru menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Hal ini kerana bakal guru tahu akan kepentingan dalam meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dalam bidang pendidikan. Perkara ini dapat dibuktikan kajian Ridzuan (2017), di mana sebanyak 90 peratus responden bersetuju bahawa dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi akan mempertingkatkan taraf profesion yang sedia ada.

Pendekatan yang digunakan dalam mendidik bakal guru adalah penting supaya kelangsungan terhadap kemahiran yang disalurkan ketika latihan mengajar dapat dipraktikkan dengan jayanya. Ini kerana

pendekatan yang dibuat oleh pensyarah ketika mengajar menentukan sama ada penyampaian pengajaran itu bermakna. Pensyarah lebih selesa menggunakan pendekatan yang lebih santai ketika menjalankan kuliah. Hal ini kerana bakal guru memerlukan sesuatu pendekatan yang selesa supaya mereka tidak takut atau gerun apabila belajar di dalam kelas. Memperbanyakkan jenaka juga menjadi alternatif yang digunakan oleh pensyarah agar bakal guru ini tidak berasa tertekan dan terbeban dengan silibus dan pengajaran yang disampaikan. Menurut Warif (2019), memasukkan jenaka dalam pengajaran dapat mengurangkan ketegangan murid dan tentunya undur jenaka dapat membuatkan peserta didik kembali segar untuk belajar. Namun begitu, pensyarah dan bakal guru perlu tahu batas-batas supaya nilai hormat kepada pendidik tidak dilupakan.

Dalam mendidik bakal guru, sudah semestinya pelbagai dilema yang perlu ditempuhi. Namun begitu yang menjadikan pensyarah mengalami kesukaran adalah apabila pensyarah merasai rasa bimbang terhadap bakal guru. Pensyarah bimbang apabila bakal guru ini tidak memahami apa yang disampaikan dalam pengajaran. Hal ini menjurus kepada kebimbangan apabila bakal guru mendapat gred yang tidak memuaskan selepas peperiksaan. Bakal guru membawa tanggungjawab dan nilai yang besar. Profesion ini adalah penting dalam pembangunan manusia. Oleh yang demikian, jika bakal guru tidak menguasai kemahiran atau tidak mencapai standard yang diperlukan maka ianya adalah menjadi kebimbangan oleh pensyarah untuk membaiki kelemahan-kelemahan yang ada.

Kajian juga telah mengenal pasti bahawa pensyarah berperanan dalam meningkatkan kualiti bakal guru dengan mengubah pemikiran bakal guru supaya mereka dapat menanamkan jiwa pendidik seawal permulaan semester lagi. Jika penerapan jiwa ini berlaku terlalu lambat maka bakal guru akan mengalami kejutan budaya yang menyebabkan mereka tidak bersedia untuk melangkah ke industri. Pendidik yang berkualiti perlu tahu peranan dan tanggungjawab mereka dalam mendidik generasi yang semakin mencabar seiring dengan perubahan revolusi teknologi di negara kita. Hal ini disokong oleh Imam (2021), kualiti pendidikan perlu diperbaiki sesuai dengan perkembangan zaman. Bakal guru perlu maju dan berkembang sesuai dengan potensi masing-masing supaya hasil objektif tercapai.

## **KESIMPULAN**

Pendidik bakal guru yang menyedari kedudukan mereka akan dapat membantu dalam memahami amalan pengajaran untuk bakal guru serta pemahaman terhadap gaya pembelajaran mereka dengan lebih baik. Cara dan persepsi pendidik bakal guru terhadap tugas mereka akan membantu dalam menentukan pendekatan yang sesuai untuk mendidik bakal guru. Selain itu, hubungan yang bermakna dalam proses mendidik bakal guru juga dapat membantu meningkatkan keberkesanan pendekatan yang digunakan oleh pendidik. Hal ini pastinya akan membantu pendidik bakal guru untuk mendepani cabaran dalam melahirkan bakal guru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Cabaran dalam mendidik bakal guru adalah sangat mencabar seiring dengan peredaran zaman dan teknologi semasa. Pendekatan yang lama perlu diperbaharui atau dipertingkatkan dengan kemahiran yang berkualiti agar bakal guru yang dilahirkan adalah merupakan bakal guru yang terbaik pada masa akan datang. Walaupun cabaran yang dialami adalah banyak, dengan adanya kerjasama antara rakan sekerja akan membantu banyak pihak dalam mempertingkatkan kemajuan bakal guru. Kualiti bakal guru adalah cerminan daripada pensyarah-pensyarah yang mendidik. Oleh yang demikian, tugas dalam mendidik bakal guru perlu digalas dengan baik agar cabaran dan dilema yang dialami boleh diatasi dengan baik.

## **RUJUKAN**

- Beijaard, D., and P. C. Meijer. 2017. *Developing the Personal and Professional in Making a Teacher Identity*. In *The SAGE Handbook of Research on Teacher Education*, edited by D. J. Clandinin and J. Husu, 177–192. London: SAGE.10.4135/9781526402042.
- Czerniawski, G., A. Guberman, and A. MacPhail. (2017). The Professional Developmental Needs of Higher Education-based Teacher Educators: An International Comparative Needs Analysis. *European Journal of Teacher Education* 40 (1): 127–140. doi:10.1080/02619768.2016.1246528.
- Ebrahim, H., Waniganayake, M., Author, & Modise, M. (2021). *Changing perspectives: Being and becoming thinking teachers*. Curriculum, Pedagogy and Assessment: A Handbook on Early Childhood Education in South Africa. Pearson (in print. ISBN9781485705932.
- Hannaway, D. (2022). *Transformed teachers transform education: Insights shared by early childhood lecturers*. *Cogent Education*, 9:1, 2118951, DOI:10.1080/2331186X.2022.2118951.
- Hazlan, N. H., Rhaman, M. A., & Alavi, K. (2019). Meneroka Cabaran Perantis Kerja Sosial Gerontologi Dalam Memberi Perkhidmatan Penjagaan Pesakit Warga Emas Kronik: Kajian Kes Di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-9.
- Iksan, Z., Ariffin, R. A. M., & Imam, S. S. J. S. (2021). Membina Pembangunan Insan Melalui Kolaboratif Guru Dalam Komuniti Pembelajaran Profesional: Building Human Development Through Teacher Collaboratives In The Professional Learning Community. *Sains Insani*, 6(1), 105-112.
- Kelchtermans, G., K. Smith, and R. Vanderlinde. (2017). Towards an ‘International Forum for Teacher Educator Development’: An Agenda for Research and Action. *European Journal of Teacher Education* 41 (1): 120–134. doi:10.1080/02619768.2017.1372743.
- MacPhail, A., M. Ulvik, A. Guberman, G. Czerniawski, H. Oolbekkink-Marchand, and Y. Bain. (2018). The Professional Development of Higher Education-based Teacher Educators: Needs and Realities. *Professional Development in Education* 1–14. doi:10.1080/19415257.2018.1529610.
- Malm, B. (2018). It’s All about Relationships: Promoting Transformative Learning Processes in Teacher Education. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research* 17 (1): 48–63. doi:10.26803/ijlter.17.1.4.
- Naemat, M. R., Khalid, M. K., Harun, M. R., Ahmad, A., & Osman, L. H. (2017). Faktor Pendorong yang Mempengaruhi Keputusan Melanjutkan Pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi di kalangan Staf Kerajaan dan Swasta. *Jurnal personalia pelajar*, 20(1).
- Peeters, J., Alayli, A., Hyson, M., & Lin, H. (2019). *White paper pathways to strengthen the pre-primary workforce in low- and middle-income countries*. UNICEF. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.16552.52488>.
- Suwardi, I., & Farnisa, R. (2018). Hubungan peran guru dalam proses pembelajaran terhadap prestasi belajar siswa. *Jurnal Gentala Pendidikan Dasar*, 3(2), 181-202.
- Van der Klink, M., Q. Kools, G. Avissar, S. White, and T. Sakata. (2017). Professional Development of Teacher Educators: What Do They Do? Findings from an Explorative International Study. *Professional Development in Education* 43 (2): 163–178. doi:10.1080/19415257.1114506.
- Vanassche, E., and G. Kelchtermans. (2016). A Narrative Analysis of A Teacher Educator’s Professional Learning Journey. *European Journal of Teacher Education* 39 (3): 355–367. doi:10.1080/02619768.2016.1187127.
- Warif, M. (2019). Strategi Guru Kelas dalam Menghadapi Peserta Didik yang Malas Belajar. *TARBAWI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 4(01), 38-55.